

Galakan baru pelancong

16 APR 1986

KUALA LUMPUR, Isnin — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengumumkan galakan-galakan baru pelancongan yang membabitkan Sistem Penerbangan Malaysia Berhad (Mas), dan menjadikan Kuala Lumpur, Pulau Pinang serta Kota Kinabalu sebagai pintu masuk utama pelancong.

Katanya, dari ketiga-tiga pintu masuk itu, pelancong asing akan diberi galakan istimewa untuk melawat mana-mana destinasi yang menarik dalam negeri.

Bagi pelancong tempatan, Mas akan menawarkan potongan 25 peratus bagi lawatan berkumpulan tiga orang ke atas untuk mana-mana destinasi dalam negeri.

Galakan-galakan baru ini akan dikuatkuasakan mulai Jun.

Oleh **HAFIFI HAFIDZ dan DELAILA HUSSAIN**

Berucap merasmikan Persidangan Tahunan Ke-35 Persatuan Pelancongan Kawasan Pasifik (PATA), di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini, Perdana Menteri berkata, pelancong-pelancong antarabangsa yang datang ke Malaysia melalui Kuala Lumpur atau Pulau Pinang tidak dikenakan sebarang bayaran jika ingin pergi ke mana-mana destinasi di Semenanjung Malaysia.

Potongan 50 peratus

"Jika mereka ingin melancong ke Kota Kinabalu, Labuan atau Kuching, Mas akan memberi potongan tambang 50 peratus untuk ke destinasi itu," katanya.

Sama seperti Semenanjung, beliau menambah, pelancong asing yang tiba ke Malaysia melalui Kota Kinabalu boleh melawat Sabah, Labuan dan Sarawak secara percuma dan hanya dikenakan bayaran 50 peratus jika ingin ke Kuala Lumpur atau Johor Bahru.

Jika mereka berminat membuat beberapa lawatan ke lain destinasi, potongan 25 peratus akan diberikan.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, Mas juga mengadakan skim tambang istimewa kepada penumpang-penumpang perseorangan dari rantau ini dan penumpang tempatan yang tidak kurang dari tiga dalam kumpulan mendapat potongan harga 25 peratus bagi penerbangan dalam negeri.

"Diharapkan dengan usaha Mas memperkenalkan skim tambang istimewa ini, ia dapat meningkatkan lagi industri pelancongan negara ketika harga komoditi utama negara mengalami kejatuhan besar," katanya.

Turut serta di majlis pembukaan berwarna warni dan penuh dengan istiadat pelbagai kaum ialah isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah, Menteri Perdagangan dan Perindustrian Tengku Razaleigh Hamzah, Pengerusi Perbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia (TDC), Datuk Khoo Kay Peng dan Presiden PATA, Encik Alwin Zecha.

Persidangan tiga hari dihadiri lebih 2,500 perwakilan dari 41 negara.

Mengenai kawasan Pasifik, Perdana Menteri berkata rantau ini mempunyai potensi pertumbuhan yang baik malah akan mengambil alih rantau Atlantik sebagai pusat ekonomi dunia yang maju pada abad ke-21.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, berikutan kesedaran yang semakin meningkat mengenai potensi rantau ini sebagai pusat pelancongan, negara-negara Pasifik Barat kini mendapat perhatian utama di kalangan pelancong.

Beliau memuji PATA, yang telah bekerja keras dan memberi sumbangan besar dalam usaha membawa lebih ramai pelancong ke rantau ini.

"Rantau ini adalah tempat yang berpotensi dan dalam abad ke-21 ia akan menggantikan kawasan Atlantik sebagai pusat pertumbuhan ekonomi utama dunia," katanya.

Perdana Menteri berkata, bagi Malaysia, kerajaan mengadakan pelbagai bantuan dan bersedia menerima idea dari mana-mana pihak yang terbebit dalam industri itu semata-mata untuk melihat apa yang dicita-citakan tercapai.